

DBKL serbu 58 premis kotor di sekitar ibu negara

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan tiga arahan penutupan premis makanan serta 65 kompaun pelbagai kesalahan selepas memeriksa 58 premis dalam Operasi Sepadu Bersih di sekitar ibu negara.

DBKL dalam satu kenyataan menjelaskan, operasi dijalankan di sekitar Jalan Genting Klang di Parlimen Setiawangsa; Jalan Maktab di Parlimen Titiwangsa; Taman Mastiara di Parlimen Batu; KL East Mall di Parlimen Wangsa Maju; Taman Bukit

Anggerik di Parlimen Bandar Tun Razak dan Jalan Rimbunan Raya 1 di Parlimen Kepong.

Menurutnya, tiga premis dikenakan tindakan arahan penutupan di bawah UUK 28(1) Undang-undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016.

Katanya, sebanyak 65 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016, Undang-undang Kecil Pengendali Makanan 1979 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

"Pelbagai kesalahan bersabit aspek kebersihan, petugas serta persekitaran premis telah dikenakan tindakan," jelas kenyataan itu di Facebook DBKL pada Selasa.

Dalam pada itu, DBKL turut memaklumkan akan meneruskan tindakan seumpama itu dari semasa ke semasa bagi memastikan pengusaha premis makanan mematuhi kehendak kesihatan yang ditetapkan.



Antara premis yang diperiksa oleh DBKL ketika Operasi Sepadu Bersih di sekitar ibu negara baru-baru ini.